

14/08/2001

Syarikat tidak bantu kempen kibar bendera dikesali

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Isnin - Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, kecewa dengan sikap syarikat gergasi tempatan yang tidak bekerjasama menjayakan kempen kibar bendera sempena Bulan Kemerdekaan.

Beliau berkata, syarikat terbabit tidak mengenang budi walaupun kerajaan sudah memberikan peluang dan projek besar kepada mereka.

"Bantuan yang diminta kerajaan hanya sedikit, iaitu memberikan Jalur Gemilang percuma kepada orang ramai atau mengadakan program untuk sambutan kemerdekaan.

"Kerajaan tidak minta mereka mengeluarkan perbelanjaan besar yang boleh menggugat kedudukan kewangan mereka. Kita hanya minta mereka menyertai program sambutan Bulan Kemerdekaan bagi menghayati erti kemerdekaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas pelancaran Perayaan Kemerdekaan Caltex di sini, hari ini. Melalui perayaan anjuran Caltex Oil Malaysia Limited itu, kira-kira 50,000 bendera akan diagihkan kepada pelanggan stesen minyak itu.

Sambutan Bulan Kemerdekaan akan dilancarkan pada 17 Ogos ini di Dataran Merdeka oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perarakan Kemerdekaan akan berlangsung di tempat yang sama pada 31 Ogos ini.

Abdul Kadir berkata, syarikat gergasi tempatan sepatutnya faham tanggungjawab untuk membantu kerajaan menjayakan sambutan kemerdekaan.

Beliau berkata, tanggungjawab ini tidak sepatutnya diletakkan di bahu kerajaan semata-mata.

"Kalau syarikat berkenaan masih berdegil dan enggan bekerjasama, lebih baik pada masa depan projek kerajaan diberikan kepada syarikat yang lebih mengenang jasa," katanya yang akan mengemukakan nama syarikat swasta yang enggan bekerjasama kepada jemaah menteri tidak lama lagi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Bulan Kemerdekaan Kebangsaan berkata, persiapan menyambut bulan kemerdekaan masih belum boleh dibanggakan.

Katanya, beliau belum berpuas hati dengan persiapan yang dibuat premis perniagaan, kompleks beli-belah, pejabat kerajaan dan syarikat swasta di seluruh negara.

"Sambutan kemerdekaan akan diadakan dua tiga hari lagi tetapi sehingga kini, tidak ada lampu atau hiasan yang dipasang di premis dan kedai. Saya khuatir pada 17 Ogos nanti, suasana kemeriahan sambutan Bulan Kemerdekaan itu tidak dirasakan," katanya.

Abdul Kadir berkata, rakyat Malaysia sepatutnya berbangga dengan kejayaan dan keamanan yang dikecapi negara.

Katanya, Malaysia bukan saja bebas daripada masalah bencana alam dan peperangan malah tidak mengalami pergolakan politik yang menggugat kesejahteraan rakyat.

Justeru, katanya, sudah menjadi tanggungjawab semua pihak menunjukkan kecintaan dan semangat patriotisme sempena sambutan kemerdekaan dengan menghias kediaman masing-masing.

"Inilah masanya untuk memupuk perpaduan dan membuang segala perbezaan sesama kita, di samping mengekalkan persamaan masing-masing yang diwakili laungan kemerdekaan, lagu Negaraku dan kibaran Jalur Gemilang," katanya.

(END)